



Antarabangsa Program Kerjasama

UniMAP dan Rajamangala University Of Technology Srivijaya, Thailand

Pada 6-8 Ogos 2010 yang lalu, UniMAP bersama-sama Rajamangala University of Technology Srivijaya, Thailand telah mengadakan program kolaborasi yang bertujuan untuk menerap dan membentuk kemahiran soft skills di kalangan pelajar. Bertempat di Dewan Terbuka Wang Ulu, seramai 60 pelajar dari kedua-dua buah universiti terlibat dalam program ini yang turut melibatkan pembabitan seramai 24 orang pelajar antarabangsa dari pelbagai Negara dan bangsa yang mengikuti program pengajian ijazah pertama di UniMAP.

Sepanjang program berlangsung, para pelajar didedahkan kepada aspek- aspek soft skill seperti kemahiran berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris, kemahiran kerja berpasukan(



teamwork), kemahiran kepimpinan, kemahiran interpersonal, intrapersonal dan juga kemahiran menggunakan teknologi yang sememangnya amat diberi penekanan oleh pihak universiti dalam usaha membentuk graduan yang berdaya saing dan kompetitif. Program tiga hari dua malam ini turut melibatkan pelbagai aktiviti menarik termasuk persembahan kebudayaan dan juga aktiviti berkumpulan dan serta lawatan sambil belajar ke tempat-tempat menarik sekitar Perlis dan Kedah.

Perlaksanaan program inter-budaya ini dilihat sebagai pemangkin bagi UniMAP untuk terus mengukuhkan hubungan dengan universiti luar terutamanya. Program seumpama ini diharapkan akan terus dilaksanakan pada masa hadapan bagi merealisasikan impian UniMAP untuk melahirkan graduan yang berdaya saing .

